



مجلس باندراي قتاليجاي
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

**NOTIS PEMBERITAHUAN PUBLISITI BERKAITAN DENGAN
PENYEDIAAN AWAL DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS
KWSA DAMANSARA, PETALING JAYA**

**(PUBLISITI & REPRESENTASI DI BAWAH SEKSYEN 12A
AKTA PERANCANGAN DAN DESA 1976)**

NOTIS ADALAH DENGAN INI DIBERI bahawa Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) adalah berhasrat untuk menyediakan suatu draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Kwsa Damansara, Petaling Jaya.

DAN menurut Seksyen 12A Akta Perancangan dan Desa 1976, MBPJ hendaklah mengambil apa-apa langkah yang pada pendapat MBPJ akan memastikan -

- “(a) bahawa publisiti diberikan di dalam kawasannya mengenai draf rancangan kawasan khas yang akan disediakan, matlamatnya dan maksud bagi penyediaannya, dan perkara yang pihak berkuasa perancang tempatan bercadang untuk memasukkannya ke dalam rancangan itu;
- (b) bahawa orang yang mungkin dijangkakan ingin mendapatkan peluang untuk membuat representasi kepada pihak berkuasa perancang tempatan itu berkenaan dengan perkara itu menyedari bahawa mereka berhak mendapat, dan diberi, peluang untuk berbuat demikian.”

MAKA DENGAN INI pihak-pihak yang berkenaan adalah dipelawa dan bolehlah membuat pemeriksaan kepada perkara-perkara yang MBPJ bercadang untuk mengambil kira di dalam penyediaan awal Draf RKK Kwsa Damansara, Petaling Jaya dan seterusnya bolehlah membuat representasi kepada MBPJ berhubung dengan penyediaan tersebut mulai 28 Mac 2017 hingga 28 April 2017 di Tingkat 2, Jabatan Perancangan Pembangunan, Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya pada waktu pejabat.